

Kerajaan tolak demonstrasi jalanan

KUALA LUMPUR 10 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, kerajaan menolak demonstrasi jalanan kerana ia tidak mendatangkan kebaikan kepada rakyat malah menjejaskan perniagaan dan ekonomi negara.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menyifatkan tindakan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang merestui pengikut parti itu menyertai demonstrasi jalanan bagi menunjukkan protes kepada kerajaan sebagai nasihat yang tidak baik.

"Ini merupakan nasihat yang tidak baik. Tidak sepatutnya keluar dari pemimpin parti yang sepatutnya menggalakkan keselamatan dan keamanan negara," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Taman Tasik Ti-tiwangsa di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, sebarang demonstrasi ataupun perhimpunan awam yang hendak dijalankan perlu mendapat permit daripada polis.

Hadi pada sidang akhbar selepas menggulung perbahasan pada hari terakhir Muktamar Pas ke-52 di Markas Pas Kedah di Kota Sarang Semut, Alor Star semalam berkata, beliau tidak menghalang ahli-ahli Pas mengadakan demonstrasi jalanan bagi melahirkan rasa tidak puas hati kepada kerajaan.

Tegasnya, adalah tidak salah jika ahli Pas menyertai demonstrasi untuk melahirkan rasa tidak puas hati terhadap kenaikan harga minyak atau elektrik.

Ditanya mengenai kenyataan Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam yang menyatakan bahawa bekas Perdana Menteri itu tidak bertelagah dengan beliau, Abdullah berkata, beliau tidak mahu mengulas perkara itu.

"Sila tanya soalan yang ada kaitan dengan Hari Polis sahaja," katanya.